

BH 12/6/06

JPS perkenal SMSBanjir

Sistem amaran tiga kategori untuk elak orang ramai alami kerugian

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

SUBANG JAYA: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memperkenalkan sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran banjir (SMSBanjir) yang mampu memberi maklumat awal berhubung banjir termasuk banjir kilat.

Melalui cara itu, orang ramai dan JPS dapat mengelak daripada menanggung kerugian besar apabila banjir di sesuatu kawasan.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Keizrul Abdullah, berkata sistem amaran itu dapat memaklumkan kepada pengguna jalan raya yang ingin memasuki ke sesuatu tempat supaya mencari jalan alternatif apabila berlaku banjir kilat.

Katanya, sistem yang berdasarkan teknologi SMS yang dibangunkan oleh JPS itu bertujuan memberi amaran awal kepada penduduk setempat terhadap kemungkinan berlaku banjir terutamanya di kawasan Taman Tun Dr Ismail (TTDI) Jaya, Shah Alam dan kawasan sekitar.

“Sebanyak tiga kategori amaran banjir akan dimaklumkan kepada penduduk melalui sistem ini.

“Bagi kategori pertama, penduduk akan menerima SMS ‘waspada’ untuk makluman amaran awal kemungkinan berlaku banjir dan mendengar bunyi siren manakala untuk SMS ‘amaran’ pula, mereka diminta membuat persiapan menghadapi banjir.

“Bagi kategori ‘bahaya’, penduduk akan menerima SMS dan mereka di-

nasihatkan berpindah segera dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelamatkan nyawa termasuk harta benda,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Majlis Dialog JPS Mengenai Sistem Amaran Banjir Menggunakan SMS bersama penduduk Shah Alam di sini, semalam.

Pada 26 Februari lalu, kira-kira 2,000 rumah di sekitar Shah Alam ditenggelami air mulai jam 6 pagi berikutan hujan lebat luar biasa yang bermula sejak kira-kira jam 3 pagi manakala beberapa laluan lebuhraya juga terpaksa ditutup berikutan hujan lebat menyebabkan banjir kilat berlaku.

Selain itu, kira-kira 500 rumah di Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga turut ditenggelami air sehingga men-

“Perkhidmatan SMS amaran banjir direka bentuk berdasarkan analisis kejadian banjir lalu yang berkaitan di antara keamatan hujan dan tindak balas aras air sungai”

Keizrul Abdullah
Ketua Pengarah JPS

cech paras bumbung manakala 1,500 rumah di Taman TTDI Jaya pula dinaiki air separas dada.

Laluan di Kilometer 15, Lebuhraya Persekutuan Laluan Kedua (FHR2) dan Kilometer 9 Lebuhraya Lembah Klang Utara (NKVE) juga dinaiki air sedalam satu meter dan terpaksa ditutup kepada semua kenderaan.

Keizrul berkata, pihaknya sudah menghantar borang pendaftaran perkhidmatan SMS amaran banjir secara percuma kepada penduduk dan hanya dua nombor saja dibenarkan mendaftar bagi setiap rumah.

“Sebarang pertanyaan, pengguna boleh menghubungi JPS Daerah Petaling di talian 03-56387289 atau Bahagian Hidrologi dan Sumber Air JPS 03-42552605,” katanya.